

Randai Anggun Nan Tungga Menguji Kemampuan Penuntut ASK

Oleh MANIS MARIA

RANDAI *Anggun Nan Tungga* dipersembahkan di Panggung Eksperimen pada 24–25 April 1998 di bawah arahan Pak Dahmir Amin, (Pegawai

seni yang berpengalaman. Projek ini merupakan projek gabungan daripada keempat-empat jabatan, iaitu Jabatan Seni Muzik, Jabatan Seni Tari, Seni Penulisan Kreatif, dan Seni Teater.

Randai merupakan sejenis tarian, yang ditarikan oleh sekumpulan orang yang berdiri dalam bentuk satu bulatan sambil menyanyi-nyanyi dan bertepuk tangan. Tarian ini berasal dari Minangkabau.

atau perubahan latar cerita akan diselenggarakan dengan tarian randai dan gurindam yang mendendangkan lagu-lagu puisi rakyat dan lisan Minangkabau seperti gurindam *Dayang Daini, Simarantang, Kajabakaja, Suayan, Arau Baru, Lubuk Aluang, Aliyok, Aro Talang, Sikanduang, Imbang Dunia, Batang Tabik, dan Pelayaran Tinggi*. Muzik Cak Lempong Pacik, yang menggunakan alat cak lempong, gendang, canang, dan serunai @ saluang mengiringi tarian dan nyanyian gurindam mereka.

Apabila episod bermula para pelakon yang tidak terlibat atau anak randai akan membuat *balabek* (anak randai yang membentuk lingkaran). *Gore* iaitu sebutan yang mengiringi tepukan serentak, (ap, ta, as, ta ...) mengindahkan lagi gerak persembahan.



Adegan *Balabek Kata*

Jabatan Tari), Profesor Madya Dr. Mohd. Anis Md. Nor sebagai Penasihat Produksi, Ibu Sawanismar S. Kar sebagai penasihat Pengarah Muziknya. Pementasan ini dipentaskan oleh pelajar tahun empat, Akademik Seni Kebangsaan (ASK) sebagai melengkap projek tahun akhir mereka sebelum ditauliahkan diploma.

Projek ini juga sebagai satu usaha ASK untuk memartabatkan seni dan budaya tanah air dengan harapan dapat melahirkan artis profesional, penggiat kegiatan seni pentas yang terlatih, pengkaji dan pendidik



Adegan menguji ketangkasan Anggun Nan Tungga

Majlis dimulakan dengan acara merapat sembah (sembah sireh), dan *Balabek kata* (kata-kata pendahuluan motion memulakan randai).

Setiap perubahan episod



Sesungguhnya ucapan syabas dan tahniah wajar diberi kepada ASK kerana kejayaan mereka mendidik melatih bakal graduan mereka dalam persembahan seni randai



Watak utama Anggun Nan Tungga dan Gondan Gondariah

yang memerlukan kekuatan mental, fizikal, suara, dan penghayatan yang mendalam. ASK berjaya membentuk tenaga kreatif yang mantap kerana untuk menjadi pelakon pentas yang berjaya bukan sahaja memerlukan bakat semula jadi tetapi juga memerlukan pengetahuan secukupnya bagaimana melibatkan diri secara mendalam kepada pentas dan menguasai diri sendiri di atas

ASK berjaya membentuk tenaga kreatif yang mantap kerana untuk menjadi pelakon pentas yang berjaya bukan sahaja memerlukan bakat semula jadi tetapi juga memerlukan pengetahuan secukupnya bagaimana melibatkan diri secara mendalam kepada pentas dan menguasai diri sendiri di atas pentas.

pentas. Semua pengalaman ini tidak boleh diperolehi dalam waktu yang singkat. Apatah lagi dalam persembahan randai yang memerlukan gabungan berbagai kemahiran

seni (seni tari, silat, nyanyi, muzik, dan seni berteater) yang semuanya berjaya memberi fungsi dramatik mencantik dan mengindahkan persembahan Randai *Anggun Nan Tungga*.

Randai *Anggun Nan Tungga* mengisahkan pengembaraan seorang anak

muda bernama Anggun Nan Tungga yang berasal dari Kampung Dalam di daerah Tiku Pariaman kerana bernekad mencari tiga orang bapa saudaranya (Nangkodo Rajo, Makhudum Sati dan Katik Intan Saling) yang belum pulang setelah keluar belayar sewaktu dia belum dilahirkan lagi. Pengembaraannya juga bertujuan untuk memenuhi permintaan tunangnya Gondan Gondariah yang menuntut dia mencari 120 jenis permainan termasuk seekor burung nuri yang pandai bercajak sebagai syarat perkahwinan.

Dalam pelayaran itu Anggun Nan Tungga menemui Dandemi Sutan anak Tuanku Panjang Janguik yang memiliki burung nuri pandai berbicara.

Akan tetapi, untuk mendapat burung tersebut Anggun Nan Tungga terpaksa berkahwin dengan Dandemi Sutan. Perkahwinan itu telah diketahui oleh Gondan Gondariah yang disampaikan oleh burung nuri tersebut. Gondan Gondariah merajuk

dan membawa diri ke gunung dan betapa di situ. Akhirnya Anggun Nan Tungga berjaya juga menemui Gondan Gondariah.

Cerita ini membawa kritikan sosial terhadap sikap tamak haloba dan sikap mementingkan diri kaum wanita. Pengorbanan Anggun Nan Tungga mengembara, bagi memenuhi hajat tunangnya itu, akhirnya tidak dihargai oleh tunangannya. Sebaliknya Anggun Nan Tungga dituduh melukai hati dan mendustai Gondan Gondariah. Pengorbanan Anggun Nan Tungga meninggalkan isterinya yang baru dikahwini kerana hendak menyampaikan burung nuri yang dihajati oleh tunangannya sebagaimana yang dijanjikan dianggap sebagai pengorbanan yang sia-sia. Cerita ini juga memperlihatkan dominasi kaum wanita terhadap kaum lelaki.

Begitulah serba sedikit tentang pementasan randai *Anggun Nan Tungga*. Cuma sedikit persoalan timbul mengapakah ASK memilih seni tari randai yang memaparkan



Detik perpisahan Anggun Nan Tungga dengan Gondan Gondariah

cerita yang berlatar belakangkan Minangkabau, Indonesia. Apakah sudah tiada drama tari Melayu yang lain selain daripada seni tari Mak Yong yang dipentaskan sebelum ini untuk menggantikan drama seni tari randai ini? Lantaran mengangkat randai sebagai salah satu projek wajib penuntut ASK dalam pertauliahannya mereka, seolah-olah kita telah menggadaikan seni budaya kita sendiri, yang masih banyak belum didalami dan diterokai. *ds*